

UEM Edgenta Laksanakan Program Saringan COVID-19 untuk 3,755 Pekerja Barisan Hadapannya di Seluruh Malaysia

- Program saringan COVID-19 untuk pekerja barisan hadapan utama di seluruh negara adalah sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab korporat Syarikat bagi memastikan kesejahteraan warga kerjanya dilindungi;
- Penggunaan aplikasi '*QuickMed*', platform klinik maya yang membolehkan pengguna mendapat akses dan kemudahan untuk pengurusan penjagaan kesihatan primer.

KUALA LUMPUR, 24 Februari – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini, telah melancarkan program saringan COVID-19 untuk semua pekerja barisan hadapannya di seluruh negara. Program ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab korporat Syarikat terhadap warga kerja dan para pelanggannya untuk memberi jaminan kepada semua pihak berkepentingan bahawa perkhidmatan yang disampaikan oleh Syarikat adalah mengikut langkah-langkah keselamatan dan protokol kesihatan semasa.

Syahrudin Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta berkata, “Warga kerja kami di barisan hadapan bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan penting dalam pelbagai infrastruktur di bawah jagaan kami seperti hospital-hospital, lebuhraya, pejabat-pejabat dan aset-aset industri lain. Oleh sebab itu, kami ingin memupuk keyakinan para pelanggan kami menerusi pelbagai usaha proaktif yang dijalankan seperti program saringan ini, dan kami sentiasa komited untuk memainkan peranan yang efektif dalam mengharungi pasca pandemik ini. Kami turut menawarkan penyelesaian yang terbaik kepada pasaran dalam menangani wabak coronavirus, agar semua sektor perniagaan dapat terus beroperasi dengan selamat dan kesejahteraan warga kerja mereka sentiasa terjamin, terutama di kala negara sedang giat berusaha untuk meningkatkan aktiviti ekonomi.”

Program saringan selama sebulan ini dijangka melibatkan 3,755 orang warga kerja UEM Edgenta di 31 buah lokasi merentasi seluruh negara dan akan dikendalikan melalui platform klinik maya '*QuickMed*', yang dilancarkan oleh Syarikat baru-baru ini, di mana aplikasi ini menawarkan alternatif untuk penyelesaian penjagaan kesihatan secara digital kepada masyarakat. *QuickMed* direka untuk menghubungkan para doktor dan pesakit serta menyediakan kemudahan kepada para pengguna terhadap ekosistem penjagaan kesihatan primer yang lengkap secara dalam talian.

Merujuk kenyataan yang dibuat oleh YB Khairy Jamaluddin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (“MOSTI”), yang juga merupakan Menteri Penyelaras untuk Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dalam laporan baru-baru ini berkaitan pekerja pembersihan hospital yang dikenal pasti sebagai penerima awal vaksin COVID-19, Syahrudin berkata, “Semua rakyat Malaysia amat teruja

dan ternanti-nanti akan kehadiran vaksin COVID-19, termasuklah kami. Alhamdulillah, kami amat berbesar hati dan mengalu-alukan berita baik bahawa warga kerja kami di bahagian *Healthcare Support* mungkin antara penerima vaksin COVID-19 pada fasa pertama ini. Walau bagaimanapun, program saringan kami di seluruh negara akan tetap diteruskan kerana kami menggunakan setiap sumber yang ada untuk bersama-bersama berusaha memerangi wabak coronavirus ini.”

UEM Edgenta menawarkan perkhidmatan saringan secara pandu lalu dan di pusat-pusat saringan COVID-19 yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (“KKM”). Perkhidmatan ini merupakan sebahagian daripada rangkaian penyelesaian perniagaan COVID-19 secara menyeluruh yang memberi tumpuan kepada keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Orang ramai dialu-alukan untuk menikmati kemudahan perkhidmatan saringan pandu lalu ini di lokasi perkhidmatannya di Selangor (Jalan Universiti, Petaling Jaya) dan Melaka (Jalan Taming Sari).

Maklumat lanjut mengenai program saringan anjuran UEM Edgenta untuk organisasi korporat dan individu serta penyelesaian perniagaan COVID-19, bolehlah merujuk di www.uemedgenta.com. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi 03-2773 3888 atau e-mel covid19services@edgenta.com.

-Siaran Media Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.